

LEX READ

Ulasan Drama:

ONE CENT
THIEF

**NAFKAH ISTERI
BERAS AKU BELI**

Fatin Hayati


Menulis:

*Santai Harum Manis:
Literasi Undang-Undang
Jenayah*

JUU LEX READ



eISSN 2811-3462



SANTAI HARUM MANIS..

LITERASI UNDANG-UNDANG JENAYAH

OLEH: FATIN HAYATI BINTI ABDUL RAHMAN & MUHAMMAD AZRIL BIN ROSLAN

(fatinhayatico@gmail.com) & (azril004@uitm.edu.my)

Penulisan ini merupakan satu transkrip temubual dengan seorang peguam jenayah yang beramal di negeri Perlis, yang bertujuan meningkatkan literasi undang-undang jenayah di kalangan masyarakat. Ia menghimpunkan penjelasan terhadap pelbagai persoalan lazim berkenaan prinsip asas undang-undang jenayah, hak-hak individu ketika ditahan polis, perbezaan jenis kesalahan, standard pembuktian di mahkamah, serta prosedur berkaitan pertuduhan dan pembelaan di Malaysia.



Terlebih dahulu, terima kasih Cik Fatin atas kesudian ditemubual untuk membicarakan isu-isu dalam perundangan jenayah. Baik, secara ringkas, apakah elemen utama yang perlu dibuktikan untuk mensabitkan seseorang bersalah dalam sesuatu kes jenayah?

★ Sama-sama En. Azril. Dalam kes jenayah di Malaysia, pendakwaan mesti membuktikan *actus reus* (perbuatan jenayah) dan *mens rea* (niat jenayah) bagi mensabitkan seseorang bersalah. *Actus reus* merujuk kepada tindakan atau kegagalan bertindak yang menyebabkan jenayah. *Mens rea* pula adalah niat atau kesedaran melakukan kesalahan tersebut. Kedua-dua elemen ini mesti dibuktikan melampaui keraguan munasabah (*beyond reasonable doubt*) dan kegagalan membuktikannya akan menyebabkan tertuduh dibebaskan.

Apakah yang dimaksudkan dengan prinsip 'beyond reasonable doubt', dan bagaimana standard pembuktian ini diterapkan dalam kes jenayah di Malaysia.

★ Prinsip "beyond reasonable doubt" bermaksud pendakwaan mesti membuktikan kesalahan tertuduh tanpa sebarang keraguan munasabah. Jika wujud kemungkinan tertuduh tidak bersalah, mahkamah mesti membebaskannya seperti diperuntukkan dalam Seksyen 173(m) Akta 593.

Boleh terangkan kriteria utama untuk seseorang dianggap tidak bertanggungjawab secara jenayah akibat penyakit mental?

★ Seseorang tidak bertanggungjawab secara jenayah akibat penyakit mental jika mereka tidak memahami perbuatan mereka semasa jenayah dilakukan (Seksyen 84 Akta 574). Contohnya, jika penghidap skizofrenia berasa paranoid dan telah membunuh kerana delusi ancaman, mereka mungkin tidak dipertanggungjawabkan dan boleh diperintahkan menjalani rawatan di hospital mental.

Jika tertuduh mempertahankan diri daripada serangan tetapi mencederakan seseorang, adakah dia masih boleh dipertanggungjawabkan secara jenayah?

★ Tidak, selagi tindakan mempertahankan diri adalah sepadan dengan ancaman, seperti diperuntukkan dalam Seksyen 96-106 Akta 574. Jika tertuduh hanya menggunakan kekerasan yang munasabah untuk melindungi diri, dia tidak akan dipertanggungjawabkan secara jenayah. Namun, jika tindak balas yang dilakukan adalah berlebihan, tertuduh masih boleh didakwa.

Bolehkan dijelaskan perbezaan antara DNAA (Discharge Not Amounting to Acquittal) dan DNA (Discharge and Acquittal)?

★ Discharge Not Amounting to Acquittal (DNAA) merujuk kepada pelepasan tertuduh tanpa pembebasan, yang membolehkan pendakwaan mengemukakan semula pertuduhan pada masa akan datang, manakala Discharge and Acquittal (DNA) merupakan pelepasan dan pembebasan sepenuhnya, yang menghalang pertuduhan semula kecuali dengan kebenaran mahkamah. Hal ini diperuntukkan di bawah Seksyen 254 dan Seksyen 173(g) Akta 593.

Bagaimana pula dengan kesalahan jenayah boleh tangkap (seizable offence) dan tidak boleh tangkap (non-seizable offence)?

★ Kesalahan boleh tangkap membolehkan polis menangkap seseorang tanpa waran kerana ia melibatkan jenayah serius dengan hukuman lebih dari 3 tahun atau mati, seperti membunuh (Seksyen 302 Akta 574) dan rogol (Seksyen 376 Akta 574). Sebaliknya, kesalahan tidak boleh tangkap memerlukan waran kecuali jika dilakukan di hadapan polis, biasanya melibatkan hukuman penjara bawah 3 tahun atau denda, seperti mencederakan secara sengaja (Seksyen 323 Akta 574) dan fitnah (Seksyen 499 Akta 574).

LAW & CRIME

Ada yang mengatakan, rekod jenayah kekal sepanjang hayat. Bagaimana pesalah boleh memohon untuk memadamkan rekod jenayah mereka?

★ Rekod jenayah di Malaysia tidak semestinya kekal sepanjang hayat, tetapi ia bergantung kepada jenis kesalahan dan langkah undang-undang yang diambil. Seseorang boleh memohon pemadaman rekod melalui Seksyen 9 Akta 7 kepada Ketua Polis Negara. Bagi kesalahan kecil, sesetengah rekod boleh dipadam selepas tempoh tertentu mengikut dasar pihak berkuasa.

★ Benar. Tahanan polis merujuk kepada penahanan sehingga 24 jam untuk siasatan awal tanpa memerlukan perintah mahkamah (Seksyen 28A(8) Akta 593). Tahanan reman pula memerlukan perintah mahkamah di bawah Seksyen 117 Akta 593 dan boleh dilanjutkan sehingga 14 hari bagi kes serius jika siasatan belum selesai.

Benarkah terdapat perbezaan antara tahanan polis dan tahanan reman di Malaysia?

Jika tertuduh disoal siasat oleh polis, adakah tertuduh berhak untuk menolak menjawab soalan tanpa kehadiran peguam?

★ Ya, di bawah Seksyen 28A(2) Akta 593, seseorang yang ditahan berhak untuk mendapatkan peguam sebelum menjawab soalan polis. Jika polis menyoal siasat tanpa kehadiran peguam, tertuduh boleh memilih untuk berdiam diri, dan sebarang kenyataan yang diberikan tanpa kerelaan boleh dicabar di mahkamah.

★ Mahkamah boleh menolak bukti yang diperoleh secara haram jika ia melanggar hak tertuduh atau diperoleh secara tidak sah. Namun, di bawah Seksyen 90A Akta 56, bukti elektronik seperti rakaman tersebut masih boleh diterima jika ia relevan dan boleh dipercayai. Akan tetapi, ini masih tertakluk kepada budi bicara mahkamah.

Bolehkah mahkamah menerima bukti yang diperoleh secara haram seperti rakaman suara tanpa kebenaran?

Adakah tertuduh boleh menolak untuk menyerahkan telefon bimbit kepada polis untuk menyiasat mesej peribadi yang ada dalam telefon bimbit tersebut?

★ Ya, tertuduh boleh menolak kecuali polis mempunyai waran geledah di bawah Seksyen 54 Akta 593. Sekiranya tiada waran, polis tidak boleh memaksa mana-mana individu menyerahkan telefon bimbit atau mengakses mesej peribadi tanpa kebenaran.

★ Saya kurang bersetuju. Perbualan WhatsApp atau mesej media sosial masih boleh digunakan sebagai bukti jenayah di bawah Seksyen 90A Akta 56, selagi ia disahkan ketulenannya dan tidak dimanipulasi. Mahkamah akan menilai sama ada bukti tersebut relevan dan boleh diterima berdasarkan keaslian serta cara ia diperoleh.

Ada yang mendakwa perbualan WhatsApp atau mesej media sosial tidak boleh digunakan sebagai bukti jenayah. Bersetuju?

Bagaimanakah seseorang boleh mendapatkan khidmat peguam secara percuma dalam kes jenayah?

★ Seseorang boleh mendapatkan khidmat peguam secara percuma melalui Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) di bawah Akta 26, yang menyediakan peguam bagi mereka yang tidak mampu. Selain itu, Biro Bantuan Guaman juga menawarkan perkhidmatan guaman percuma atau pada kadar minimum untuk kes jenayah tertentu.

★ Tidak semestinya. Gari boleh digunakan jika terdapat risiko tertuduh melarikan diri, bersikap ganas, atau mengancam keselamatan. Jika tiada keperluan, polis tidak wajib menggari tertuduh semasa dibawa ke mahkamah.

Perlukah tertuduh digari setiap kali dibawa ke mahkamah?

Adakah rakyat Malaysia boleh diekstradisi ke negara lain untuk dibicarakan bagi kes jenayah yang dilakukan di luar negara?

★ Ya, rakyat Malaysia boleh diekstradisi ke negara lain jika terdapat perjanjian ekstradisi antara Malaysia dan negara tersebut, seperti yang diperuntukkan di bawah Akta 479. Walau bagaimanapun, ekstradisi tidak dibenarkan jika kesalahan itu bersifat politik atau jika tertuduh berisiko menghadapi hukuman yang melanggar hak asasi manusia.

★ Benar, memang terdapat perbezaan antara kedua-duanya. Penjara seumur hidup bermaksud hukuman maksimum 30 tahun, bergantung kepada budi bicara mahkamah. Penjara sepanjang hayat, pula, bermaksud tertuduh dipenjara sehingga kematian dan tidak layak untuk pembebasan awal.

Benarkah terdapat perbezaan antara hukuman penjara seumur hidup dan penjara sepanjang hayat di Malaysia?

Merujuk kepada kes kemalangan jalan raya yang berlaku di Sendayan, Negeri Sembilan baru-baru ini, bolehkah pihak Puan menjelaskan mengapa pertuduhan tidak dibuat di bawah Seksyen 304 Akta 574, sebaliknya didakwa di bawah Seksyen 41(1) Akta 333? Apakah faktor utama yang menentukan pemilihan seksyen pertuduhan dalam kes sebegini?

★ Seksyen 304 Akta 574 digunakan untuk pembunuhan tanpa niat, tetapi pada pandangan saya, dalam kes kemalangan jalan raya seperti di Sendayan tersebut, tiada niat membunuh, hanya kecuai. Oleh itu, pertuduhan dibuat di bawah Seksyen 41(1) Akta 333, yang menghukum pemanduan melulu atau berbahaya sehingga menyebabkan kematian.

★ Terima kasih juga atas peluang ini. Saya harap perkongsian ini dapat memberi manfaat kepada semua pembaca. Sebarang permasalahan berkaitan undang-undang jenayah, boleh ajukan kepada saya di fatinhayatico@gmail.com.

Terima kasih Cik Fatin Hayati Binti Abdul Rahman atas perkongsian yang padat dan bermakna. Semoga input berkaitan undang-undang jenayah ini memberi nilai tambah kepada para pembaca JUU LEX READ' EDISI 2025 dalam memahami hak, tanggungjawab dan realiti perundangan semasa.

RUJUKAN

1. Perlembagaan Persekutuan
2. Akta Pendaftaran Penjenayah Dan Orang-Orang Yang Tidak Diingini 1969 (Akta 7)
3. Akta Bantuan Guaman 1971 (Akta 26)
4. Akta Keterangan 1950 (Akta 56)
5. Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333)
6. Akta Tafsiran 1948 & 1967 (Akta 388)
7. Akta Ekstradisi 1992 (Akta 479)
8. Akta Jenayah Komputer 1997 (Akta 563)
9. Kanun Keseksaan (Akta 574)
10. Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593)

